

## **SIARAN BERITA**

### **MyCC ANJUR BENGKEL SIASATAN DAN PENGENDALIAN KES ASEAN EXPERTS GROUP ON COMPETITION (AEGC)**

**KUALA LUMPUR, 17hb Jun 2014** –“Pelaksanaan berkesan dasar-dasar pengguna dan persaingan adalah amat perlu dalam usaha memupuk persekitaran yang kondusif untuk ekonomi yang kukuh,” kata Dato' Sri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Kooperatif dan Kepenggunaan di Bengkel Siasatan dan Pengendalian Kes ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) (*ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) Workshop on Investigation and Case-Handling*) yang dianjur bersama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Sekretariat ASEAN dan *Deutsche Gesselschaft fur Internationale Zusammenarbeit* (GIZ) hari ini.

Semasa ucapan perasmian beliau, Dato' Sri Hasan Malek juga memandang tinggi usaha MyCC setakat ini dalam menguatkuasakan dan meningkatkan undang-undang persaingan di negara itu, disamping melindungi pengguna pada masa yang sama. Beliau menyatakan undang-undang persaingan yang bersifat kompleks dan teknikal amat berbeza daripada undang-undang pengguna dan sangat mencabar untuk dikuatkuasakan walaupun oleh bidang kuasa yang sudah lama mengamalkan undang-undang persaingan seperti Kesatuan Eropah (EU) dan United Kingdom. “Kemahiran yang diperlukan untuk menyiasat agak berbeza daripada kes-kes jenayah atau awam biasa. Pemahaman ekonomi dan budaya perniagaan adalah antara elemen utama dalam penyelesaian sesebuah kes persaingan,” katanya.

"Saya difahamkan bahawa siasatan boleh mengambil masa beberapa tahun untuk diselesaikan. Bahkan sesbuah kes yang dianggap mudah juga boleh mengambil masa sehingga setahun untuk diselesaikan," tambah beliau. "Ini disebabkan, khususnya siasatan kartel, yang melakukan aktiviti mereka secara rahsia, bukan sahaja memiliki jenis tingkah laku yang paling sukar difahami, tetapi adalah jenis kes yang paling kompleks yang perlu dihadapi oleh penguatkuasa undang-undang persaingan."

Enam belas wakil dari sepuluh negara-negara ASEAN menghadiri bengkel dua hari ini bersama dengan kakitangan siasatan dan penguatkuasaan MyCC. Turut hadir di pelancaran bengkel tersebut ialah Ketua Setiausaha KPDKKK Dato' Sri Alias Ahmad, Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Ahli Suruhanjaya Prof. Dato. Dr Sothi Rachagan , dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj.

Menurut Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato Sri' Siti Norma Yaakob, bengkel tersebut dianjurkan berikutan hasil perbincangan Mesyuarat Pembangunan Daya Upaya AEGC (AEGC Brainstorming Meeting on Capacity Building Needs) yang diadakan sebelum ini, di mana ia dipersetujui bahawa terdapat keperluan untuk mengukuhkan kebolehan teras seperti siasatan dan pengendalian kes untuk agensi yang menguatkuasakan undang-undangpersaingan.

Agensi-agensi penguatkuasa persaingan menghadapi pelbagai cabaran dalam kawasan seperti meningkatkan keupayaan menyiasat dan mengesan kartel, memulakan penyiasatan-penyesiasatan yang teguh, dan pengutamaan soal penguatkuasaan pelbagai sambil

memanfaatkan sumber-sumber yang ada. Bengkel dua hari tersebut dianjur bersama bagi membantu penyiasat di rantau ASEAN, yang agak baru kepada undang-undang persaingan, untuk belajar teknik siasatan dan kemahiran pengendalian kes dari pakar-pakar undang-undang persaingan dan ahli ekonomi.

Penceramah-penceramah jemputan untuk bengkel tersebut terdiri daripada pakar undang-undang persaingan dari Kesatuan Eropah (EU) En Michael Albers dan Prof. Robert Ian McEwin, Penyiasat Kanan untuk Kartel Antarabangsa, dari Japan Fair Trade Commission (JFTC) En. Katsunori Inaguma , dan ahli ekonomi Prof. Cheah Chee Wah. Turut hadir sebagai moderator ialah En. Frank Tibitanzl, GIZ Principal Advisor of the ASEAN Competition Policy and Law (CPL) Project.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti MyCC, sila lawati laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my). Sebarang pertanyaan mengenai program advokasi boleh diajukan kepada [spiad@mycc.gov.my](mailto:spiad@mycc.gov.my).

---tamat---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas

**UNTUK TERBITAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).